

**HUBUNGAN ANTARA KOMPETENSI GURU SEJARAH DALAM
PENGUNAAN SUMBER SEJARAH DAN PENERAPAN
KEMAHIRAN PEMIKIRAN SEJARAH**

(The Relationship between History Teacher's Competence of Using Historical Resources and Historical Thinking Skills Inculcation)

M.Kaviza

ABSTRAK

Oleh kerana penggunaan sumber sejarah dan penerapan kemahiran pemikiran sejarah adalah disarankan dalam kurikulum sejarah melalui pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah yang berkesan, maka objektif kajian ini ialah untuk menentukan sama ada terdapat hubungan antara kompetensi guru sejarah dalam penggunaan sumber sejarah dan penerapan kemahiran pemikiran sejarah. Kajian berbentuk tinjauan ini melibatkan seramai 92 orang guru sejarah dari sekolah-sekolah menengah harian yang dipilih melalui teknik persampelan bertujuan-rawak mudah. Instrumen kajian ini merupakan soal selidik yang telah diadaptasi dan disahkan oleh pakar penilai serta mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kompetensi penggunaan sumber-sumber sejarah mempunyai hubungan linear yang amat tinggi secara signifikan ($r=0.75$) terhadap penerapan kemahiran pemikiran sejarah. Tambahan pula, kompetensi pengetahuan ($r=0.58$) dan kemahiran ($r=0.67$) dalam penggunaan sumber-sumber sejarah mempunyai hubungan linear yang tinggi secara signifikan terhadap penerapan kemahiran pemikiran sejarah, manakala kompetensi sikap ($r=0.74$) dalam penggunaan sumber-sumber sejarah mempunyai hubungan linear yang amat tinggi secara signifikan terhadap penerapan kemahiran pemikiran sejarah. Sungguhpun begitu, hanya kompetensi pengetahuan dan sikap penggunaan sumber-sumber sejarah merupakan pembolehubah peramal yang menyumbang secara signifikan terhadap penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam kajian ini. Implikasi kajian ini telah mencadangkan bahawa kompetensi guru dalam penggunaan sumber-sumber sejarah perlu dipertingkatkan dengan lebih meluas disebabkan terdapat perkaitan dengan penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah di dalam kelas. Kesimpulannya, guru-guru sejarah perlu memainkan peranan penting dalam merancang strategi pengajaran yang mengintegrasikan elemen sumber sejarah dan kemahiran pemikiran sejarah bagi membentuk proses pembelajaran yang bermakna di dalam kelas.

Kata Kunci: Guru sejarah, kemahiran pemikiran sejarah, kompetensi, sumber-sumber sejarah

ABSTRACT

Due of historical resources and historical thinking skills aspects are recommended in history curriculum via effective learning and teaching process, this study aims to determine the relationship between history teacher's competence of using historical resources and historical thinking skills inculcation. This survey study which has involving 92 secondary school history teachers using purposive-simple random sampling techniques. This research instrument is an adapted questionnaire which has been validated by content expert and has good reliability value. The findings of this study showed that the using historical resources competence have a significant very high positive linear relationship with historical thinking skills inculcation ($r=0.75$). Beside that, knowledge ($r=0.58$) and skills ($r=0.67$) of using historical resources competence have a significant high positive linear relationship and attitude ($r=0.74$) of using historical resources competence have a significant very high positive linear relationship with historical thinking skills inculcation. Therefore, only knowledge and attitude of using historical resources competence contributed significantly to historical thinking skills inculcation. The implication of this study suggested that the teacher's competence of using historical resources have to develop widely because it is related to enhance the historical thinking skills inculcation. In conclusion, history teachers need to play an important role in designing teaching strategies with integration of historical resources and historical thinking skills to shape a meaningful learning process in the classroom.

Keywords: Competence, history teacher's, historical resources, historical thinking skills inculcation

PENGENALAN

Matlamat mata pelajaran sejarah untuk memberi kefahaman mengenai masyarakat, negara Malaysia dan dunia dengan memupuk dan memperkukuh identiti diri serta semangat setia negara dapat dicapai (PPK, 2015) apabila guru-guru sejarah berkemampuan dalam melaksanakan suatu kaedah pengajaran dan pembelajaran sejarah yang mampu untuk meningkatkan daya pemikiran kritis dan analitis melalui proses penyiasatan sesuatu peristiwa sejarah berasaskan sumber sejarah (Lee, 2001; Wosyner, 2010). Hal ini kerana sumber sejarah merupakan bahan-bahan pengkajian sejarah yang digunakan untuk menjelaskan kebenaran dan kesahihan sesuatu peristiwa sejarah yang telah berlaku bagi meningkatkan proses pembelajaran mata pelajaran sejarah dalam kalangan murid. Sehubungan dengan itu, usaha untuk menerapkan penggunaan sumber sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah adalah merupakan satu perubahan dalam strategi pengajaran dalam mata pelajaran sejarah selaras dengan proses transformasi Pendidikan Negara melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang memerlukan masa dan komitmen guru yang tinggi untuk menguasai kompetensi kandungan pelajaran, mahir dalam strategi pengajaran serta mempunyai sikap yang positif. Kompetensi guru dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap yang meluas, cekap dan mahir terhadap penggunaan sumber sejarah bagi memastikan proses pembelajaran sejarah yang bermakna dapat dibentuk di dalam kelas (Gleeson & D'Souza, 2016; Lamb & Johnson, 2013).

Tambahan pula, penekanan kepada konsep kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid turut disarankan dalam proses transformasi kurikulum bagi mata pelajaran sejarah yang telah mencadangkan kepada pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan kepada strategi berfikir bagi menjana keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah di dalam kelas (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2013; Wineburg, 2001; Ozmen, 2015; Keirns, & Luhr, 2012; McGregor, 2017). Justeru, kemahiran pemikiran sejarah adalah merujuk kepada proses intelek yang membolehkan murid-murid dapat memahami sesuatu peristiwa sejarah melalui aplikasi kemahiran-kemahiran seperti memahami kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi seperti yang disarankan dalam kurikulum sejarah (PPK, 2015). Penekanan elemen berfikir ini adalah selaras dengan enam ciri utama aspirasi murid yang diperlukan oleh setiap murid agar mereka dapat bersaing pada peringkat global dengan mengamalkan ciri pembelajaran sepanjang hayat (KPM, 2013). Sejalan dengan itu, penerapan kemahiran pemikiran sejarah melalui kaedah pengajaran yang dapat mengembangkan cara berfikir diperlukan disebabkan oleh mata pelajaran sejarah merupakan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari pada peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah.

Oleh kerana sumber sejarah merupakan bahan-bahan pengajaran yang membekalkan maklumat-maklumat sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah, namun tahap kompetensi pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam penggunaan sumber sejarah tersebut yang berada pada tahap rendah dan sederhana didapati mempengaruhi pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah (Hover, Hicks & Dack, 2016; Kaviza, Fauziah Abdul Rahim & Nurliyana Bukhari, 2018; Millman & Bondie, 2012). Hal ini kerana tahap kompetensi pengetahuan dan kemahiran yang baik serta sikap yang positif telah membolehkan guru-guru sejarah dapat merancang, merekabentuk dan mempelbagaikan kaedah pengajaran sejarah dengan mengintegrasikan penggunaan sumber sejarah dengan lebih kreatif bagi merangsang proses kefahaman dan kemahiran berfikir dalam kalangan murid, di samping untuk membentuk suasana pengajaran dan pembelajaran yang menarik di dalam kelas (Gomez & Saiz, 2017; Langan, 2015). Pendapat ini adalah bertepatan dengan pendapat Anuar Ahmad dan Nelson Jingga (2015), Anuar Ahmad, Siti Haishah Abdul Rahim dan Nur Atiqah T. Abdullah, (2009) dan Nur Hawa Hanis Abdullah dan Ghazali Darussalam (2018) dalam kajiannya yang telah menjelaskan bahawa guru-guru sejarah adalah berperanan sebagai agen pembentukan murid yang cemerlang melalui pelaksanaan kaedah pengajaran sejarah yang berkesan dan bersesuaian dengan aras kebolehan murid bagi meningkatkan penglibatan aktif dan kemahiran berfikir yang mempunyai hubungan dengan peningkatan pencapaian mata pelajaran sejarah.

Sungguhpun begitu, penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah adalah dilaporkan masih kurang dan berada pada tahap sederhana dalam kalangan guru telah menghadkan proses pengajaran secara penerokaan tentang kebenaran sejarah masa lalu secara kritis di dalam kelas (Kaviza, 2018; Muhamad Yazid Khalil, 2018; Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, Noria Munirah Yakub & Ahmad Ali Seman, 2016; Baharuddin Jabar, 2007; Cowgill & Waring, 2017). Adalah diakui bahawa penerapan kemahiran pemikiran sejarah dengan berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah tidak dapat dilaksanakan sekiranya guru-guru sejarah hanya bergantung kepada kaedah pengajaran yang berpusatkan guru dan berbentuk hafalan semata-mata yang telah menimbulkan sikap dan

tanggapan negatif murid terhadap mata pelajaran sejarah tersebut (Hazri Jamil, 2003; Siti Hawa Abdullah, 2008; Omardin Haji Ashaari & Yunus Muhammad, 1996). Keadaan ini telah mencadangkan kepada guru-guru sejarah untuk sentiasa meningkatkan kompetensi mereka dengan mempelbagaikan strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran (Nursyazwani Abdul Talib, Kamarulzaman Abdul Ghani, Nur Azuki Yusoff & Mohd Mahzan Awang, 2016; Thangamalar Paramasivam, 2018; Mohamad Johdi Salleh & Ahmad Raffai Ayudin, 2010). Oleh kerana penggunaan sumber sejarah dan penerapan kemahiran pemikiran sejarah merupakan aspek yang ditekankan dalam kurikulum sejarah, namun hubungan antara kedua-dua aspek tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah masih belum diketahui. Maka, terdapat satu keperluan kepada pengkaji dalam kajian ini untuk menentukan sama ada terdapat hubungan antara kompetensi guru dalam penggunaan sumber sejarah terhadap penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk menentukan sama ada terdapat hubungan antara kompetensi guru dalam penggunaan sumber sejarah dengan penerapan kemahiran pemikiran sejarah, di samping untuk menentukan sumbangan pembolehubah peramal iaitu kompetensi pengetahuan, kemahiran dan sikap penggunaan sumber sejarah terhadap penerapan kemahiran pemikiran sejarah. Soalan kajian ini ialah:

1. Adakah terdapat hubungan antara kompetensi penggunaan sumber sejarah dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dengan penerapan kemahiran pemikiran sejarah?
2. Adakah terdapat sumbangan pembolehubah peramal iaitu kompetensi pengetahuan, kemahiran dan sikap penggunaan sumber sejarah dengan penerapan kemahiran pemikiran sejarah?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kuantitatif ini dijalankan secara tinjauan yang menggunakan reka bentuk kajian korelasi (Cresswell, 2014). Kaedah kajian ini adalah bersesuaian dengan tujuan kajian ini untuk menentukan hubungan dan pengaruh kompetensi penggunaan sumber sejarah dengan penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah. Seramai 92 orang guru sejarah di sekolah menengah dari sebuah negeri telah dipilih sebagai sampel kajian ini melalui teknik persampelan bertujuan-rawak mudah berdasarkan data yang diberikan daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri tersebut. Instrumen kajian ini terdiri daripada soal selidik yang telah diadaptasi yang telah disahkan oleh dua orang pakar penilai dalam bidang pendidikan sejarah yang berpengalaman melebihi 10 tahun serta mempunyai nilai kebolehpercayaan *Alfa Cronbach* iaitu 0.93 bagi soal selidik penerapan kemahiran pemikiran sejarah dan 0.95 bagi soal selidik penggunaan sumber sejarah yang dianggap baik oleh Nunnally, (1978) dan diterima bagi tujuan kajian ini. Data kuantitatif dalam kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan perisian *IBM SPSS* versi 24 secara statistik inferensi iaitu ujian korelasi *Pearson* dan Regresi Pelbagai. Interpretasi kekuatan korelasi dalam kajian ini dilakukan berdasarkan interpretasi daripada kajian Davies, (1971) seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Kekuatan Korelasi

| Skor Min | Tahap |
|-------------|------------------|
| 0.70 – 1.00 | Amat tinggi |
| 0.50 - 0.69 | Tinggi |
| 0.30 – 0.49 | Sederhana tinggi |
| 0.10 - 0.29 | Rendah |
| 0.00-0.09 | Diabaikan |

Sumber: Adaptasi daripada Davies, (1971)

DAPATAN KAJIAN

1. Hubungan antara kompetensi penggunaan sumber sejarah dengan penerapan kemahiran pemikiran sejarah

Bagi menjawab soalan kajian 1, maka hipotesis nul (H_{01}) telah dibentuk iaitu:

H_{01} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kompetensi penggunaan sumber sejarah dengan penerapan kemahiran pemikiran sejarah.

Berdasarkan Jadual 2, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara min kompetensi penggunaan sumber sejarah [$r=0.75$, $p=0.00$] terhadap penerapan kemahiran pemikiran sejarah adalah signifikan. Oleh itu, terdapat hubungan linear positif yang amat tinggi antara min kompetensi penggunaan sumber sejarah terhadap penerapan kemahiran pemikiran sejarah. Maka, H_{01} telah berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara min kompetensi penggunaan sumber sejarah terhadap penerapan kemahiran pemikiran sejarah. Perkara ini menerangkan bahawa sekiranya kompetensi penggunaan sumber sejarah adalah tinggi, maka penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan guru juga adalah tinggi.

Jadual 2: Korelasi min kompetensi penggunaan sumber sejarah dengan penerapan kemahiran pemikiran sejarah

| | | Kemahiran Pemikiran Sejarah |
|---------------------------|----------------------------|-----------------------------|
| Penggunaan sumber sejarah | <i>Pearson Correlation</i> | 0.75** |
| | <i>Sig</i> | 0.00 |
| | N | 92 |

** *Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)*

ii) Hubungan antara kompetensi pengetahuan penggunaan sumber sejarah dengan penerapan kemahiran pemikiran sejarah

Bagi menjawab sub-soalan kajian 1 (kompetensi pengetahuan), maka hipotesis nul (H_{01a}) telah dibentuk iaitu:

H_{01a} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min kompetensi pengetahuan penggunaan sumber sejarah dengan penerapan kemahiran pemikiran sejarah.

Berdasarkan Jadual 3, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi *Pearson* antara min kompetensi pengetahuan penggunaan sumber sejarah [$r=0.58$, $p=0.00$] terhadap penerapan kemahiran pemikiran sejarah adalah signifikan. Oleh itu, terdapat hubungan linear positif yang tinggi antara min kompetensi pengetahuan terhadap penggunaan sumber sejarah terhadap penerapan kemahiran pemikiran sejarah. Maka, H_{01a} telah berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara min kompetensi pengetahuan penggunaan sumber sejarah terhadap penerapan kemahiran pemikiran sejarah. Perkara ini menerangkan bahawa sekiranya kompetensi pengetahuan terhadap penggunaan sumber sejarah adalah tinggi, maka penerapan kemahiran pemikiran sejarah juga adalah tinggi.

Jadual 3: Korelasi min kompetensi pengetahuan penggunaan sumber sejarah dengan penerapan kemahiran pemikiran sejarah

| | | Kemahiran Pemikiran Sejarah |
|------------------------|----------------------------|-----------------------------|
| Kompetensi Pengetahuan | <i>Pearson Correlation</i> | 0.58** |
| | <i>Sig</i> | 0.00 |
| | <i>N</i> | 92 |

** *Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)*

iii) Hubungan antara kompetensi kemahiran penggunaan sumber sejarah dengan penerapan kemahiran pemikiran sejarah

Bagi menjawab sub-soalan kajian 1(kompetensi kemahiran), maka hipotesis nul (H_{01b}) telah dibentuk iaitu:

H_{01b} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min kompetensi kemahiran penggunaan sumber sejarah dengan penerapan kemahiran pemikiran sejarah.

Berdasarkan Jadual 4, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi *Pearson* antara min kompetensi kemahiran penggunaan sumber sejarah [$r=0.67$, $p=0.00$] terhadap penerapan kemahiran pemikiran sejarah adalah signifikan. Oleh itu, terdapat hubungan linear positif yang tinggi antara min kemahiran penggunaan sumber sejarah terhadap penerapan kemahiran pemikiran sejarah. Maka, H_{01b} telah berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara min kompetensi kemahiran penggunaan sumber sejarah terhadap penerapan kemahiran pemikiran sejarah. Perkara ini menerangkan bahawa sekiranya kompetensi kemahiran penggunaan sumber sejarah adalah tinggi, maka penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan guru juga adalah tinggi.

Jadual 4: Korelasi min kompetensi kemahiran penggunaan sumber sejarah dengan penerapan kemahiran pemikiran sejarah

| | | Kemahiran Pemikiran Sejarah |
|----------------------|----------------------------|-----------------------------|
| Kompetensi Kemahiran | <i>Pearson Correlation</i> | 0.67** |
| | <i>Sig</i> | 0.00 |
| | <i>N</i> | 92 |

** *Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)*

iv) Hubungan antara kompetensi sikap penggunaan sumber sejarah dengan penerapan kemahiran pemikiran sejarah

Bagi menjawab sub-soalan kajian 1 (kompetensi sikap), maka hipotesis nul (H_{01c}) telah dibentuk iaitu:

H_{01c} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min kompetensi sikap penggunaan sumber sejarah dengan penerapan kemahiran pemikiran sejarah.

Berdasarkan Jadual 5, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi *Pearson* antara min kompetensi sikap penggunaan sumber sejarah [$r=0.74$, $p=0.00$] terhadap penerapan kemahiran pemikiran sejarah adalah signifikan. Oleh itu, terdapat hubungan linear positif yang amat tinggi antara min kompetensi sikap penggunaan sumber sejarah terhadap penerapan kemahiran pemikiran sejarah. Maka, H_{01c} telah berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara min kompetensi sikap penggunaan sumber sejarah terhadap penerapan kemahiran pemikiran sejarah. Perkara ini menerangkan bahawa sekiranya kompetensi sikap penggunaan sumber sejarah adalah tinggi, maka penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan guru juga adalah tinggi.

Jadual 5: Korelasi min kompetensi sikap penggunaan sumber sejarah dengan penerapan kemahiran pemikiran sejarah

| | | Kemahiran Pemikiran Sejarah |
|------------------|----------------------------|-----------------------------|
| Kompetensi Sikap | <i>Pearson Correlation</i> | 0.74** |
| | <i>Sig</i> | 0.00 |
| | N | 92 |

** *Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)*

v) Sumbangan pembolehubah peramal iaitu kompetensi pengetahuan, kemahiran dan sikap penggunaan sumber sejarah dengan penerapan kemahiran pemikiran sejarah

Bagi menjawab soalan kajian 2, maka hipotesis nul (H_{02}) telah dibentuk iaitu:

H_{02} : Tidak terdapat sumbangan pembolehubah peramal yang signifikan iaitu kompetensi pengetahuan, kemahiran dan sikap penggunaan sumber sejarah dengan penerapan kemahiran pemikiran sejarah.

Berdasarkan Jadual 6 dan Jadual 7 menunjukkan bahawa pembolehubah peramal secara signifikan dengan penerapan kemahiran pemikiran sejarah [$F(3, 91)=38.78$, $p=0.00$] dan menyumbang sebanyak 57 peratus varians dengan penerapan kemahiran pemikiran sejarah ($r^2=0.57$). Sungguhpun begitu, hanya dua pembolehubah peramal sahaja yang memberi sumbangan secara signifikan dengan penerapan kemahiran pemikiran sejarah berdasarkan nilai pemberat regresi piawai (β) iaitu pembolehubah kompetensi sikap yang merupakan pembolehubah peramal yang tertinggi ($\beta=0.56$, $t=4.38$, $p=0.00$) dan diikuti dengan pembolehubah kompetensi pengetahuan ($\beta=0.20$, $t=2.07$, $p=0.04$). Namun begitu, pembolehubah kompetensi kemahiran ($\beta=0.06$, $t=0.45$, $p=0.65$) tidak memberikan sumbangan yang signifikan

dengan penerapan kemahiran pemikiran sejarah. Maka, pembolehubah kompetensi pengetahuan dan sikap merupakan pembolehubah peramal kepada penerapan kemahiran pemikiran sejarah. Perkara ini menunjukkan bahawa nilai (β) bagi setiap unit peningkatan dalam pembolehubah tidak bersandar adalah diikuti dengan setiap unit peningkatan dalam pembolehubah bersandar. Oleh itu, nilai pekali menunjukkan bahawa terdapat hubungan linear bagi model persamaan garis lurus bagi penerapan kemahiran pemikiran sejarah dengan pembolehubah peramal adalah seperti berikut:

$$Y = A + B_1 X_1 + B_2 X_2 + e$$

$$[Y = 50.60 + 0.58 X_1 + 1.62 X_2 + 12.01]$$

di mana

y = penerapan kemahiran pemikiran sejarah

A = pemalar

B₁, B₂ = pekali

x₁ = kompetensi pengetahuan

x₂ = kompetensi sikap

e = ralat kajian

Jadual 6: Analisis Varians Regresi Pelbagai

| Pembolehubah | Jumlah kuasa dua | df | Min kuasa dua | F | Sig. |
|--------------|------------------|----|---------------|-------|------|
| Regresi | 49629.09 | 3 | 16543.03 | 38.78 | 0.00 |
| Reja | 37536.87 | 88 | 426.56 | | |
| Jumlah | 87165.96 | 91 | | | |

Jadual 7: Analisis Regresi Pelbagai bagi penerapan kemahiran pemikiran sejarah dengan pembolehubah peramal

| Pembolehubah | Pekali tidak piawai (B) | Ralat pekali | Pekali Piawai (β) | t | Sig. |
|--------------|----------------------------|--------------|------------------------------|------|------|
| Pemalar | 50.60 | 12.01 | | 4.21 | 0.00 |
| Pengetahuan | 0.58 | 0.28 | 0.20 | 2.07 | 0.04 |
| Kemahiran | 0.21 | 0.47 | 0.06 | 0.45 | 0.65 |
| Sikap | 1.62 | 0.37 | 0.56 | 4.38 | 0.00 |

PERBINCANGAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa kompetensi guru dalam penggunaan sumber sejarah dan penerapan kemahiran pemikiran sejarah adalah saling berkaitan dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan kajian Patterson et al, (2012) yang mendapati bahawa guru-guru sejarah hanya dapat merekabentuk strategi pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan sumber sejarah yang melibatkan proses kognitif aras rendah sahaja walaupun penggunaan sumber-sumber sejarah tersebut didapati dapat menjana kemahiran kognitif aras tinggi yang telah menyimpulkan bahawa kompetensi guru dalam melaksanakan kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan penggunaan sumber sejarah amat penting terhadap penerapan kemahiran berfikir. Tambahan pula, pendapat Patterson et al, (2012) tersebut adalah selaras dengan pendapat Izhah Ismail dan

Muhamad Zaid Ismail, (2018) yang telah mendapati bahawa penerapan kemahiran pemikiran sejarah mempunyai hubungan dengan amalan guru dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah dengan menyumbang varians sebanyak 3.74 peratus, manakala dapatan kajian Rully Putri Nirmala Puji dan Abdul Razaq Ahmad, (2015) yang melaporkan penerapan kemahiran pemikiran sejarah mempunyai hubungan dengan gaya pembelajaran guru-guru pelatih dalam bidang pendidikan sejarah di universiti di Malaysia dan Indonesia.

Walaupun penggunaan sumber sejarah adalah diakui dapat meningkatkan kualiti proses dan kaedah pengajaran dan pembelajaran sejarah, namun dalam dapatan kajian Reisman dan Fogo, (2016) yang telah melaporkan bahawa guru-guru tidak dapat membimbing murid-murid untuk menjana kemahiran pemikiran sejarah melalui penggunaan sumber sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah adalah bertentangan dengan dapatan kajian ini yang mendapati bahawa kompetensi pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam penggunaan sumber sejarah mempunyai hubungan linear positif yang signifikan yang tinggi dan amat tinggi dengan penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan guru-guru sejarah. Selain itu, dapatan kajian ini adalah selaras dengan dapatan kajian Getman-Eraso dan Culkin, (2017) yang telah menjelaskan bahawa pelaksanaan e-portfolio melalui penggunaan sumber sejarah dapat menggalakkan proses pembelajaran yang melibatkan aspek kognitif dan meta-kognitif terhadap penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan guru-guru. Oleh itu, penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah mempunyai kaitan dengan kompetensi guru-guru sejarah dalam melaksanakan kaedah pengajaran yang berkualiti dan berkesan seperti yang disarankan dalam kurikulum sejarah.

Di samping itu, dapatan kajian ini juga turut telah melaporkan bahawa kompetensi pengetahuan dan sikap penggunaan sumber sejarah merupakan faktor yang menyumbang kepada penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah. Kompetensi sikap penggunaan sumber sejarah telah menjelaskan varians yang tertinggi terhadap penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam kajian ini dan dapatan tersebut adalah selaras dengan kajian Hicks, Doolittle dan Lee, (2004) yang mendapati bahawa sikap guru yang menggunakan sumber sejarah secara web dan tanpa web telah mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah di dalam kelas. Hal ini kerana sikap guru sejarah terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah adalah dipengaruhi oleh pengetahuan guru terhadap kandungan sumber sejarah yang berupaya untuk meningkatkan penerapan kemahiran pemikiran sejarah. Kompetensi pengetahuan guru dari segi penggunaan kaedah dan bahan pengajaran mempunyai kaitan dengan penerapan kemahiran pemikiran sejarah melalui perancangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran sejarah yang berkesan seperti yang dilaporkan dalam kajian Abdul Razaq Ahmad, (2014) dan kajian Shakila Che Dahalan dan Nor Hashimah Hashim, (2016).

Tambahan pula, kompetensi pengetahuan dan sikap yang menyumbang secara signifikan dan kemahiran yang menyumbang secara tidak signifikan dalam kajian ini adalah selaras dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Zahara Aziz dan Nik Azleena Nik Ismail (2007) dan Lisa Yip Shukye, (2014) yang mendapati bahawa tahap kesediaan guru dalam proses pengajaran sejarah dari segi pengetahuan prosedural, pengetahuan pedagogi, kemahiran penggunaan alat bantu mengajar, kemahiran pengurusan aktiviti pembelajaran serta sikap guru adalah mempengaruhi penerapan kemahiran pemikiran sejarah secara langsung dan secara tidak

langsung di dalam kelas yang dapat disimpulkan bahawa kompetensi guru dalam penggunaan sumber sejarah menjadi salah satu indikator penting yang menyumbang kepada penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah. Selain itu, dapatan kajian Sharifah NorPuteh, Nooreiny Maarul dan Elisabeth Tak, (2010) dan Khairul Ghufrin Kaspin, Mansor Mohd Noor dan Mohd Mahzan Awang, (2018) yang telah melaporkan bahawa penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran mempunyai kaitan dengan strategi dan kaedah pengajaran guru di dalam kelas yang ditinjau dari persepsi murid-murid sekolah menengah.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, guru-guru sejarah tidak dapat mengabaikan lagi penggunaan sumber sejarah dan penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah bagi memastikan murid-murid perlu dilengkapi dengan kemahiran berfikir kritis yang membolehkan mereka dapat bersaing pada peringkat global seperti disarankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM, 2013). Justeru, guru-guru sejarah memainkan peranan penting dengan merancang strategi, kaedah, teknik dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran sejarah dengan mengintegrasikan elemen sumber sejarah dan kemahiran pemikiran sejarah yang telah dibuktikan dalam kajian ini yang saling mempengaruhi antara satu sama lain. Oleh itu, adalah diharapkan agar dapatan kajian ini dapat dijadikan sumber rujukan kepada pihak guru, PPK, sekolah dan sebagainya dalam menggalakkan penggunaan sumber sejarah dan penerapan kemahiran pemikiran sejarah secara lebih meluas pada semua peringkat persekolahan sama ada pada peringkat sekolah rendah mahupun pada peringkat sekolah menengah. Walaubagaimanapun, kajian lanjutan perlu dijalankan bagi mengenal pasti faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah yang dapat memberikan suatu gambaran yang lebih tepat tentang penerapannya dalam konteks pendidikan sejarah pada peringkat nasional dan global selaras dengan keperluan penginovasian dalam kaedah pengajaran sejarah sedia ada melalui proses transformasi kurikulum.

RUJUKAN

- Abdul Razaq Ahmad. (2014). Determination of teaching Aids and Methods to Inculcate Thinking Skills in History Subject. *International Journal for Historical Studies*, 6(1), 1-12.
- Anuar Ahmad, Siti Haishah Abdul Rahim & Nur Atiqah T.Abdullah. (2009). Tahap Keupayaan Pengajaran Guru Sejarah dan Hubungannya dengan Pencapaian Murid Berprestasi Rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 53-66.
- Anuar Ahmad & Nelson Jingga. (2015). Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(2), 1-10.
- Baharuddin Jabar. (2007). Pelaksanaan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Pengajaran Guru-guru Sejarah: Satu Kajian Kes di daerah Hilir Perak. Retrieved from: www.ir.upsi.edu.my

- Cowgill II, D.A., & Waring, S.M. (2017). Historical thinking: An evaluation of student and teacher ability to analyze sources. *Journal of Social Studies Education Research*, 8(1), 115-145.
- Creswell, J.W. (2014). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (4th Edition). United States of America: Pearson New International Edition.
- Davies, J. A. (1971). *Elementary Survey Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Getman-Eraso, J., & Culkin, K. (2017). Close reading: Engaging and Empowering History Students through Document analysis on e-portfolio. *International Journal of e-Portfolio*, 7(1), 29-42.
- Gleeson, A.M., & D'Souza, L.A. (2016). Reframing a social studies methods course: Preparing elementary teacher candidates for the common core. *The social studies*, 107(5), 165-170.
- Gomez, C, J., & Saiz, J. (2017). Narrative Inquiry and Historical Skills: A Study in Teacher Training. *Revista Electronica de Investigacion Educativa*, 19(4), 19-32.
- Hazri Jamil. (2003). *Teknik mengajar Sejarah*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sd
- Hicks, D., Doolittle, P., & Lee, J.K. (2004). Social studies teachers' use of classroom-based and web-based historical primary sources. *Theory and Research in Social Education*, 32(2), 213-247.
- Hover, S.V., Hicks, D., & Dack, H. (2016). From Source to Evidence? Teachers' Use of Historical Sources in Their Classrooms. *The Social studies*, 107(6), 209-217.
- Izhab Ismail & Muhamad Zaid Ismail. (2018). Hubungan Kemahiran Pemikiran Sejarah dengan Amalan Guru Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018, 303-320.
- Kaviza, M. (2018). Pengalaman Mengajar atau Latihan Profesional Guru dalam Mempengaruhi Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah Dalam Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Menengah. *EDUCATUM: Journal of Social Sciences*, 4(1), 40-47.
- Kaviza, M., Fauziah Abdul Rahim, & Nurliyana Bukhari. (2018). Penggunaan Sumber Dokumen Sejarah dalam Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Menengah: Perspektif Guru Sejarah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 18(1), 84-95.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kerns, T., & Luhr, E. (2012). Subject matter counts: The pre-service teaching and learning of historical thinking. *The History Teacher*, 45(4), 493-511.
- Khairul Ghufan Kaspin, Mansor Mohd Noor & Mohd Mahzan Awang. (2018). Perspektif Pelajar Terhadap Kurikulum Sejarah Peringkat Sekolah Menengah di Malaysia. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 9, 31-42.
- Lamb, A., & Johnson, L. (2013). Social studies in the spotlight: Digital collections, primary sources and the common core. *Teacher Librarian*, 41, 62-66.
- Langan, E. (2015). Using multiple-perspective primary sources to enhance pre-service teacher's understandings. *Teacher Education and Practice*, 28(4), 617-626.
- Lee, J.K. (2001). Pre-service social studies teachers 'reckoning' with historical interpretations and controversy arising from the use of digital historical resources. *JAHC*.
- Lisa Yip Shukye. (2014). Kajian Tinjauan Kesediaan Guru-guru Sejarah Menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam kalangan murid-murid. *Jurnal Penyelidikan Kent*, 13, 37-49.
- McGregor, H.E. (2017). One classroom, two teacher? Historical thinking and indigenous education in Canada. *Critical education*, 8(14), 1-18.
- Milman, N.B., & Bondie, R. (2012). An examination of teacher's ratings of lesson plans using digital primary sources. *Contemporary Issues in Technology and Teacher Education*, 12(4), 391-407.
- Mohd Johdi Salleh & Ahmad rafaai Ayudin. (2010). Innovations of History Education in High Scholls, ICCS Malaysia. *HISTORIA: International Journal of History Education*, 10(2), 73-88.

- Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, Noria Munirah Yakub & AhmadAli Seman. (2016). Historical Thinking skills among pre-service teachers in Indonesia and Malaysia. *Creative Education*, 7, 62-76.
- Muhamad Yazid Khalil. (2018). Tahap Pengetahuan Guru Sejarah Sekolah Rendah Dalam Kemahiran Pemikiran Sejarah. Prosiding National Innovation and Invention Competition through Exhibition, 1-12.
- Nunnally, J.C. (1978). *Psychometrie Theory* (2nd ed.). New York: McGraw Hill.
- Nur Hawa Hanis Abdullah & Ghazali Darusalam. (2018). Kesiediaan Guru Melaksanakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(2), 22-31.
- Nur Syazwani Abdul Talib, Kamarulzaman Abdul Ghani, Nur Azuki Yusoff, & Mohd Mahzan Awang. (2016). Kaedah Pembelajaran Sejarah Dengan Mengambil kira Minat dan Peningkatan Prestasi. *International Conference on Education and Regional Development (ICERD 2016)*. Bandung, Indonesia: 31 Oktober & 1 November 2016.
- Omardin Haji Ashaari & Yunus Muhammad. (1996). *Kaedah Pengajaran Sejarah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributor Sdn Bhd.
- Ozmen, C. (2015). Social studies teacher candidates view on historical thinking skills. *Academic Journals*, 10(4), 2031-2042.
- Patterson, N.C., Lucas, A.G., & Kithinji, M. (2012). Higher Order Thinking in Social Studies: An analysis of Primary Source Document Use. *Social studies Research and Practice*, 7(2), 68-85
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Satu*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Reisman, A., & Fogo, B. (2016). Contributions of Educative document based curricular materials to quality of historical instruction. *Teaching and Teacher Education*, 59, 191-202.
- Rosy Talin. (2015). Historical Thinking Skills – The Forgotten Skills?. *International Journal of Learning and Teaching*, 7(1), 15-23.
- Rully Putri Nirmala Puji & Abdul Razaq Ahmad. (2015). Gaya belajar dan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam pembelajaran sejarah di peringkat Universitas. *Edusentris: Jurnal Ilmu Pendidikan dan Pengajaran*, 2(3), 253-263.
- Siti Hawa Abdullah. (2008). Takrif dan Ciri-ciri Pemikiran Sejarah. *Pendidikan Sejarah*, 9(1), 98-106.
- Shakila Che Dahalan & NorHashimah Hashim. (2016). The implementation of historical thinking skills among teacher trainees in teaching learning process. 5th International Conference on Language, Education and Innovation, 28 May 2016.
- Sharifah NorPuteh, Nooreiny Maarul, & Elisabeth Tak. (2010). Students' Perception of the Teaching of Historical Thinking Skills. *Pertanika Journal Social Science & Humanities*, 18(S), 87-95.
- Thangamalar Parasivam. (2018). Change models and strategies in the context of managing curriculum year four history curriculum in the district of Kuala Selangor, Malaysia. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education*, 8(2), 38-52.
- Wineburg, S. (2001). *Historical thinking and on the unnatural acts: Charting the future of teaching the post*. Philadelphia: Temple University Press.
- Wosyhnner, C. (2010). Inquiry teaching with primary source document: An iterative approach. *Social studies research and practices*, 5(3), 36-45.
- Zahara Aziz & Nik Azleena Nik Ismail. (2007). Kajian tinjauan kesiediaan guru-guru sejarah menerapkan kemahiran pemikiran sejarah kepada para pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 32, 119-137.

MAKLUMAT PENULIS

M.KAVIZA

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden,
Universiti Utara Malaysia.

kavizakaviza@yahoo.com